

Turkiye setuju MAHB kekal urus Lapangan Terbang Sabiha Gokcen

Erdogan puas hati khidmat syarikat, sedia tawar sambungan landasan lebih panjang

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

di New York



Syarikat pengendali lapangan terbang, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) menerima berita baik apabila mendapat keizinan Kerajaan Turkiye supaya ia terus menguruskan Lapangan Terbang Sabiha Gokcen, di Istanbul.

Ini kerana Turkiye berpuas hati dengan kejayaan syarikat milik kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional itu mengendalikan lapangan terbang berkenaan.

Ia dimaklumkan oleh Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pertemuan dua hala mereka ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersa-

tu (UNGA) ke-78 di sini, petang waktu tempatan.

"Erdogan setuju MAHB terus mengendalikan lapangan terbang itu kerana berpuas hati sehingga kini dan mahu sambungan landasan yang lebih panjang," katanya.

Anwar berkata, Turkiye berpendapat MAHB berkeupayaan untuk melaksanakan operasi lapangan terbang itu dan dan mahu ia dikendalikan oleh syarikat yang sama.

Walaupun persetujuan meneruskan operasi oleh MAHB telah diumumkan, Anwar berkata, ia akan melalui proses biasa oleh kementerian yang berkenaan.

"Ini satu dokongan yang cukup

besar dan keyakinan kepada syarikat Malaysia untuk membangun dan menguruskan Lapangan Terbang Sabiha," katanya.

Dimiliki sepenuhnya oleh MAHB, lapangan terbang itu merupakan pintu masuk keenam paling sibuk di Eropah dengan jumlah penumpang mencecah 25 juta pada 2021, yang merupakan 70 peratus daripada angka prapandemik COVID-19.

Pada pertemuan yang juga dihadiri menteri Kabinet kedua-dua pihak, Anwar berkata, mereka turut membincangkan usaha meningkatkan kerjasama dua hala dari segi pelaburan dan perdagangan.

Malaysia adalah rakan dagangan terbesar Turkiye di ASEAN dengan jumlah perdagangan AS4.7 bilion pada 2022, pertumbuhan 35 peratus daripada 2021.

Angka eksport Malaysia ke Turki pada 2022 mencecah paras RM17.39 bilion yang sebahagian besarnya daripadanya minyak sawit, produk pertanian berasaskan minyak sawit, pembuatan logam, tekstil, pakaian, kasut, produk elektrik dan elektronik serta produk perkilangan berasaskan minyak sawit.

Jumlah import pada 2022 direkodkan RM2.86 bilion yang merangkumi produk petroleum, barang kemas, produk besi dan keluli, kimia dan produk kimia, tekstil, pakaian serta kasut.